

03/12/1998

Bantuan RM400 untuk kakitangan awam

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan memberi bantuan kewangan sebanyak RM400 seorang kepada kira-kira 847,000 kakitangan awam bagi membantu mereka menangani masalah perbelanjaan sekolah anak-anak dan keperluan lain, tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya hari ini berkata, walaupun ekonomi dan kewangan kerajaan begitu berkurangan sehingga negara mengalami defisit RM16 bilion tahun depan, kerajaan menyedari masalah yang dihadapi kakitangannya.

"Kerajaan tidak mampu membayar bonus tahun ini dan saya minta maaf. Walaupun demikian, untuk menolong kakitangan kerajaan di semua peringkat selain Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa), yang menghadapi masalah perbelanjaan untuk pelajaran anak-anak dan keperluan lain, kerajaan memutuskan memberi bantuan sebanyak RM400 seorang tahun ini.

"Saya sedar akan ada yang tidak puas hati dengan tawaran ini tetapi ini sahajalah yang kerajaan mampu," katanya.

Pengumuman Perdana Menteri itu, yang dibuatnya ketika berucap merasmikan Konvensyen Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di sini, disambut sorakan dan tepukan bergemuruh perwakilan.

Kerajaan memperuntukkan lebih RM338 juta bagi menghulur bantuan kewangan berkenaan kepada semua kakitangan kerajaan kecuali kira-kira 1,000 pegawai tertinggi perkhidmatan awam yang memegang Jusa.

Antara kakitangan kerajaan yang memegang Jusa ialah pegawai Gred Turus 1, 2 dan 3 serta pegawai Gred Utama A, B dan C.

Mengulas pengumuman itu, Presiden Cuepacs, Mohd Aziz Mohd Sultan, mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana menghargai jasa kakitangan awam serta prihatin dengan masalah mereka.

Menurutnya, dalam pertemuan wakil Cuepacs dengan Perdana Menteri sebelum ini, kesatuan itu meminta kerajaan menimbang pemberian insentif kepada kakitangan awam meskipun tidak dapat memberi bonus kepada mereka.

"Alhamdulillah, kerajaan mendengar permintaan kami. Saya percaya pembayaran itu akan dibuat sebelum persekolahan bermula kerana Perdana Menteri memahami keperluan bagi perbelanjaan persekolahan.

"Jadi, apa yang diberi oleh kerajaan itu adalah yang paling baik," katanya.

Sebelum itu dalam ucapan aluannya, Mohd Aziz berkata, beliau sudah menjelaskan kepada anggota Cuepacs sebelum ini bahawa kerajaan akan memberi sesuatu kepada kakitangan awam meskipun beliau tidak mengumumkan pemberian bonus dalam pembentangan belanjawan Oktober lalu.

"Saya yakin Perdana Menteri akan mengumumkan sesuatu dalam ucapan perasmianya selepas ini," katanya sambil disambut tepuk sorak gembira perwakilan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Dr Mazlan Ahmad, berkata pihaknya akan mengeluarkan pekeliling bagi mengumumkan tarikh pemberian bantuan berkenaan.

"Kita akan bekerjasama dengan Perbendaharaan bagi menangani urusan pemberian bantuan itu secepat mungkin kerana Perdana Menteri baru saja mengumumkan perkara ini," katanya. Hadir sama pada majlis itu Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

(END)